

30/08/1998

10 kilogram emas untuk Dana Khas Negara

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia akan memenangi pingat emas pada Sukan Komanwel di sini bulan depan.

"Jika tidak, kita akan memotong sedikit daripada kepingan emas ini dan cairkannya dalam periuk dan menjadikannya pingat emas," katanya secara berjenaka selepas menerima sumbangan beberapa kepingan emas seberat 10 kilogram bernilai RM400,000 daripada Syarikat Haniffa Textiles Sdn Bhd.

"Tetapi saya pasti kita akan menang beberapa pingat emas," katanya disambut tepukan gemuruh daripada penyumbang di majlis promosi pembelian tiket Sukan Komanwel, di Bangsar, di sini malam tadi.

Kepingan emas itu, disampaikan oleh pemilik Haniffa Textiles O K Mohamad Haniffa, bagi Dana Khas Negara.

Sebelum itu Dr Mahathir turut menerima sumbangan tambahan RM537,000 untuk mencatat kutipan keseluruhan RM1.052 juta, seperti dijanjikan oleh Majlis Perniagaan Bangsar Baru dan empat persatuan penduduk zon Bangsar, di Karnival Bangsar, pada 15 Ogos lalu.

Sumbangan berkenaan adalah untuk pembelian tiket-tiket Sukan Komanwel 1998, yang akan bermula 11 September depan.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin; dan Setiausaha Parlimennya, Datuk Shahrizat Jalil, yang juga ahli Parlimen Lembah Pantai.

(END)